

# Bumiputera perlu ceburi bidang teknologi tinggi

UM-3/10/2006

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Negara masih memerlukan ramai usahawan bumiputera berteknologi tinggi bagi mengimbangi komposisi pekerjaan agar tidak tertumpu kepada satu kaum sahaja.

Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaludin berkata, penglibatan bumiputera dalam bidang berteknologi tinggi seperti teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta bioteknologi masih kurang, sekali gus bakal memberi kesan buruk kepada komposisi pekerjaan negara.

"Kita tidak mahu komposisi pekerjaan pada masa hadapan berat sebelah dan tidak menggambarkan komposisi sebenar masyarakat di negara ini.

"Sebab itu Pemuda UMNO berpandangan jauh serta sedar ICT adalah satu bidang utama pada masa hadapan dan kami mahu Pemuda UMNO mengambil peluang tersebut," katanya.

Khairy berkata demikian kepada pemberita selepas perasmian bengkel Teknologi MSC Malaysia dan bengkel Idea/Peningkatan Perniagaan anjuran Pemuda UMNO dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (Mdec), di sini hari ini.

Tambahnya, berdasarkan statistik Mdec, sehingga kini hanya 17 peratus syarikat berstatus MSC adalah milik bumiputera.

Menurutnya, angka tersebut adalah kecil dan ia perlu ditingkatkan bagi mengimbangi komposisi pekerjaan.

"Kita faham, syarikat bumiputera menghadapi banyak cabaran untuk memasuki pasaran ICT kerana ini bukan pasa-

ran tradisional sebaliknya ia pasaran baru yang belum pernah wujud dalam diri bumiputera," katanya.

Sehubungan itu menurut Khairy, usahawan bumiputera perlu dibimbing untuk membiasakan mereka dengan bentuk teknologi dan pasaran gaya baru itu.

"Sebab itu Mdec akan bantu peserta bengkel hari ini untuk membuat perancangan perniagaan serta cara menarik pelabur bagi memulakan perniagaan," jelasnya.

## Menambah

Bagaimanapun katanya, tiada sebarang tempoh ditetapkan dalam usaha menambah bilangan usahawan berteknologi tinggi tempatan, sebaliknya ia perlu dilakukan secepat mungkin sebelum 2020.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Mdec, Badlisham Ghazali berkata, badan berkenaan menyasarkan penglibatan 30 peratus bumiputera dalam bidang ICT dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Beliau memberitahu, sehingga kini sejumlah 939 syarikat bumiputera terlibat dalam bidang ICT dengan 266 daripadanya berstatus MSC.

Dalam pada itu, bengkel Teknologi MSC Malaysia akan berlangsung selama empat hari bermula hari ini, manakala bengkel Idea/Peningkatan Perniagaan akan berlangsung selama lima hari bermula 9 Oktober ini.

Bengkel berkenaan bertujuan menggalakkan lebih ramai usahawan bumiputera terlibat dalam sektor ICT.